

Mahathir gembira Samy — Subra berdamai

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad gembira dengan persefahaman yang dicapai sekarang antara Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu dan timbalannya, Datuk S Subramaniam berikutan persetujuan Datuk Seri Samy untuk mencadangkan nama Datuk Subramaniam sebagai salah seorang timbalan menteri daripada parti itu. Perdana Menteri menyifatkan hubungan baik kedua-dua pemimpin itu sebagai petanda baik dalam politik negara pada masa depan, khususnya bagi Barisan Nasional (BN).

Katanya, Datuk Seri Samy sudah pun mengemukakan nama calon MIC, termasuk nama Datuk Subramaniam, bagi mengisi kekosongan dua jawatan timbalan menteri daripada parti berkenaan.

"Saya akan mengumumkan perlantikan dua timbalan menteri itu sebaik saja saya selesai membuat keputusan mengenainya," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat empat jam Majlis Tertinggi (MT) Umno, di sini semalam.

Beliau mengulas kesediaan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos itu untuk menerima semula Datuk Subramaniam dalam parti dan kerajaan.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata beliau akan mengkaji di segi undang-undang sama ada Datuk Subramaniam boleh menjadi senator atau tidak bagi membolehkannya memegang jawatan timbalan menteri.

Katanya bekas Timbalan Menteri Pertanian itu masih

boleh dilantik sebagai ahli Dewan Negara jika beliau menjadi senator sebelum kerajaan memutuskan bahawa seseorang itu hanya berhak menganggotai Dewan Negara selama dua penggal.

"Setakat ini saya tidak tahu sama ada beliau menjadi senator sebelum atau selepas kerajaan membuat peraturan berkenaan. Kalau Datuk Subramaniam menganggotai Dewan Negara sebelum itu bermakna beliau masih boleh dilantik sebagai senator.

"Saya akan mengkaji dulu di segi undang-undang sama ada boleh atau tidak Datuk Subramaniam menjadi senator," kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Datuk Subramaniam pernah menjadi senator selama dua penggal, iaitu pada 1978 dan 1982. Hubungannya dengan Datuk Seri Samy mula retak pada 1989 apabila beliau bertanding jawatan Presiden parti sehingga namanya digururkan daripada senarai calon MIC dalam pilihanraya umum Oktober lalu.

Berikutan itu, Perdana Menteri bertindak mengosongkan jawatan dua timbalan menteri daripada MIC dalam pembentukan Kabinet barunya selepas pilihanraya umum.

Kekosongan jawatan itu berlarutan sehingga sekarang kerana keengganan Datuk Seri Samy untuk menerima perlantikan sama ada Datuk Subramaniam atau Naib Presiden MIC, Datuk K Pathmanaban, memegang jawatan itu seperti yang dicadangkan oleh Perdana Menteri.